

26/06/2003

Ahli Umno perlu bertekad tunaikan harapan Dr Mahathir

Rujhan Salleh

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-54 yang selesai Sabtu lalu meninggalkan kesan mendalam kepada umat Melayu, khususnya ahli Umno. Semua ahli Umno, terutama pemimpin tertinggi parti bercakap mengenai perpaduan umat Melayu

dan pentingnya kita menjaga serta memelihara Umno.

Presiden Umno sewaktu merasmikan perhimpunan dan ucapan penggulungan memberikan ingatan dan nasihat yang perlu disemat dalam hati setiap ahli Umno.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menekankan betapa pentingnya orang Melayu, khususnya ahli Umno bersatu padu serta taat setia kepada parti dan

pemimpin dikasihi, jika mahukan Umno terus hidup.

Perdana Menteri juga meminta ahli Umno supaya berikrar untuk sentiasa memelihara perpaduan parti, menghormati pemimpin dan memberikan taat setia kepadanya.

Begitu juga dengan ikrar dan sokongan pemimpin dan ahli Umno terhadap pemimpin yang dipilih bagi menerajui dan meneruskan perjuangan parti.

Mereka berikrar dan menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap keputusan Dr Mahathir yang memilih timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi bagi menerajui parti dan kerajaan selepas beliau berundur Oktober depan. Begitu juga dengan Naib Presiden Umno dan ahli lainnya yang berjanji akan akur terhadap pilihan Pak Lah dalam memilih timbalannya nanti.

Kita bersyukur dengan janji dan ikrar itu kerana semua ahli sayangkan Umno dan pemimpinnya.

Dalam memperkatakan soal yang sama, saya tertarik dengan kebimbangan Exco Pergerakan Pemuda Umno yang juga Ketua Pemuda Bahagian Tanah Merah, Kelantan, Ikmal Hisham Abdul Aziz seperti yang disiarkan dalam ruangan ini, Isnin lalu.

Sebagai perwakilan Perhimpunan Agung Umno 2003, saya dan rakan-rakan dapat memahami aspirasi saudara Ikmal Hisham yang mahukan ahli Umno setiap

peringkat menghayati amanat pucuk pimpinan parti.

Pergerakan Pemuda Umno Kelantan bersetuju dengan pandangan Ikmal Hisham

bahawa setiap anggota parti perlu menanamkan tekad dan azam untuk menunaikan amanat dan harapan Dr Mahathir. Ini penting supaya ahli Umno dapat mengukuhkan perpaduan demi perjuangan bangsa dan agama.

Sesungguhnya, tumpuan utama kita ketika ini ialah memperkuatkan jentera

parti pada setiap peringkat dan merangka strategi berkesan untuk memastikan kemenangan Umno dalam pilihan raya akan datang.

Ahli Umno Kelantan kini bersemangat tinggi berhadapan dengan Pas terutama selepas Datuk Mustapa Mohamed (Tok Pa) dilantik sebagai Pengerusi

Perhubungan Negeri.

Di bawah kepemimpinan Tok Pa, Umno negeri melaksanakan pelbagai program untuk memberi penerangan kepada rakyat Kelantan mengenai kelemahan dan kepincangan kerajaan Pas.

Beliau juga pencetus kepada pelbagai program kebajikan yang sememangnya dinantikan rakyat Kelantan yang jemu dengan program berbau politik sempit anjuran Pas.

Sesungguhnya, pendekatan yang diambil beliau menarik minat semua lapisan masyarakat kerana sikapnya yang sederhana dan prihatin terhadap kebajikan rakyat negeri ini.

Tok Pa menunjukkan contoh kepemimpinan yang baik. Beliau sentiasa turun ke akar umbi, berdampingan dengan masyarakat, menyelami hasrat ahli parti dan melaksanakan kegiatan bermanfaat untuk semua.

Di tengah-tengah kesibukannya sebagai Pengerusi Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), kita menghargai komitmen Tok Pa yang sentiasa berada di Kelantan sekurang-kurangnya empat hari dalam masa seminggu.

Semangat, kesungguhan dan iltizam ini menjadi inspirasi kepada ahli Umno baik di peringkat bahagian, Pemuda, Wanita atau Puteri untuk melipatgandakan usaha memperkuatkan jentera parti.

Kita juga mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana mengiktiraf peranan Pemuda Umno Kelantan dalam mengetengahkan kes pengambilan tanah rakyat di Gua Musang oleh kerajaan Pas.

Usaha Umno membela nasib rakyat membuahkan hasil apabila kerajaan Pas bersetuju untuk membatalkan hasrat mengambil tanah di kawasan itu.

Dengan perancangan dan strategi berkesan, kegiatan yang dianjurkan Umno Kelantan semakin meluas dan merangkumi segenap lapisan masyarakat termasuk pegawai kerajaan, pekerja swasta, golongan korporat, profesional dan rakyat di akar umbi.

Selain itu, Tok Pa sentiasa mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan anak-anak Kelantan yang berada di perantauan terutama di Kuala Lumpur. Belum pernah lagi sebelum ini, pemimpin Umno Kelantan mengadakan pertemuan yang konsisten dengan pelajar universiti dan golongan profesional yang merantau di luar Kelantan.

Tetapi, beliau melakukan perubahan paradigma dan membuat satu langkah ke depan dalam usaha menarik sokongan setiap lapisan masyarakat dan pelbagai peringkat umur.

Hasilnya, Umno semakin mendapat tempat di hati masyarakat Kelantan berkat usaha dan daya kepemimpinan Tok Pa yang mesra rakyat. Kami percaya bahawa situasi ini akan membuahkan hasil dalam pilihan raya umum akan datang.

Sokongan rakyat Kelantan semakin kukuh dan bertambah sejak beliau

menerajui Umno negeri. Kita juga berbangga kerana prestasi Umno yang berada pada tahap paling memuaskan ketika ini iaitu selepas negeri ini jatuh ke tangan Pas pada tahun 1990.

Melihat kepada usaha itu, seluruh ahli parti dan pemimpin Umno setiap peringkat memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada beliau. Ini kerana kami yakin kemampuan beliau mengemudi parti dan seterusnya mengembalikan kecemerlangan Umno di negeri ini.

Sehubungan itu, kita meminta agar pihak-pihak tertentu memberikan sepenuhnya peluang dan kepercayaan kepada Tok Pa serta barisan kepemimpinannya melaksanakan amanah parti.

Berilah perhatian kepada kelebihan dan kerja-kerja yang dilakukan beliau dan bukannya sentiasa mengintai kelemahan yang ada pada dirinya.

Bahawasanya, kritikan melulu dan membuta tuli tanpa asas terhadap kepemimpinan beliau tidak dialu-alukan dan tidak sesuai dilakukan buat masa ini.

Kita akui tiada manusia yang sempurna, tetapi ciri kepemimpinan yang ada pada beliau sangat diperlukan kerana ia memenuhi kehendak rakyat Kelantan yang mahukan pemimpin yang bersih, dinamik dan mampu melakukan perubahan.

Bagaimanapun, pemimpin yang baik memerlukan pengikut yang taat dan setia kepada perjuangan parti.

Oleh itu, kita meminta ahli Umno supaya sentiasa meletakkan kepentingan parti di tempat yang paling utama dan mendahului segala cita-cita peribadi.

Kita juga perlu insaf dengan ingatan Abdullah supaya ahli Umno membudayakan semangat musyawarah, memelihara muafakat dan memberi sokongan padu kepada pemimpin yang dipilih.

Ini bukan masanya untuk kita mengkritik sesama sendiri dan menuding jari menyalahkan individu tertentu semata-mata kerana agenda peribadi. Ini juga bukan masanya untuk kita mempertikaikan usaha yang dilakukan oleh Tok Pa kerana apa yang dilakukannya terbukti berjaya mengukuhkan Umno di negeri ini.

Ahli Umno dan rakyat negeri Kelantan pasti menolak sebarang usaha yang bertujuan sempit dan tidak membantu ke arah merapatkan perpaduan Umno, sekali gus tidak memenuhi seruan pucuk pimpinan untuk melihat perpaduan dan kekuatan kukuh di segenap lapisan.

Kita bersyukur bahawa Umno Kelantan yang dipimpin Tok Pa berjaya mewujudkan suasana yang sangat baik untuk memenangi pilihan raya umum akan datang.

Justeru, jangan jadikan agenda peribadi dan `masalah kita-kita' sebagai penghalangnya.

Pelantikan beliau sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Negeri membuktikan

pengiktirafan dan kepercayaan pucuk pimpinan terhadap kemampuannya. Kita perlu memberi sokongan tidak berbelah bagi kepadanya.

Ahli Umno seluruhnya perlu menghayati amanat pemimpin parti jika sayangkan perjuangan yang suci ini. Marilah kita bersama-sama berganding bahu mengukuhkan perpaduan, menyemarakkan muafakat dan menguatkan tekad mengembalikan kecemerlangan Umno di Kelantan.

RUJHAN SALLEH,

Ketua Pemuda Umno Kelantan.